

TARIKH: 17/5/2023
SURAT KHABAR: SINAR HARIAN
MUKA SURAT: 22

RABU 17 MEI 2023 • SINAR HARIAN

22 | NEGERI SELANGOR/KL • JOHOR

Perkeso berjaya selamatkan lebih RM500 juta dana Penjana Kerjaya

SHAH ALAM - Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dengan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya menyelamatkan lebih RM500 juta dana Program Insentif Pengambilan Pekerja (Penjana Kerjaya) daripada disalahgunakan oleh majikan.

Ketua Eksekutif Perkeso, Datuk Seri Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, pihaknya akan terus bekerjasama dengan SPRM untuk mengenal pasti pihak terlibat dalam kes tuntutan palsu Penjana Kerjaya melalui Ops Hire 2.0.

Jelas beliau, langkah itu merupakan usaha berterusan untuk mengesan pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Kami (Perkeso) difahamkan banyak lagi tangkapan yang akan dibuat dalam masa terdekat ini.

"Bukan itu sahaja, Perkeso juga melaksanakan pemantauan, penganalisan data dan risikan berterusan. Hasil

mendapati ada majikan yang mengemukakan tuntutan palsu insentif Penjana Kerjaya," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Sebelum ini, media tempatan melaporkan seramai 47 orang pengarah syarikat telah ditahan SPRM di seluruh negara menerusi Op Hire 2.0.

Mohammed Azman berkata, senarai individu dan syarikat yang dikenal pasti telah diserahkan kepada SPRM untuk tindakan penguatkuasaan.

Pada masa sama, beliau turut menjelaskan tindakan penguatkuasaan dalam Ops Hire 2.0 adalah bersifat lebih meluas kerana meliputi seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Dalam pada itu, Mohammed Azman menjelaskan, Perkeso juga telah mengukuhkan lagi sistem dalaman, proses dan tadbir urus serta mengetatkan kawalan prosedur sedia ada untuk memastikan hanya pihak yang layak mendapat insentif tersebut.



"Bukan itu sahaja, Perkeso juga melaksanakan pemantauan, penganalisan data dan risikan berterusan. Hasil mendapati ada majikan yang mengemukakan tuntutan palsu insentif Penjana Kerjaya."

- Mohammed Azman

"Tindakan juga akan diambil melalui penggantungan bayaran setelah disyaki mengemukakan tuntutan palsu, berdasarkan penganalisan data dan pemantauan.

"Tuntutan sivil terhadap pihak terbabit juga dilaksanakan untuk mendapatkan semula dana yang disalahgunakan," jelasnya.

Perkeso turut menasihatkan majikan dan penyedia latihan yang telah membuat tuntutan palsu Penjana Kerjaya supaya menyerahkan semula bantuan insentif tersebut kepada agensi berkenaan dengan kadar segera kerana tindakan penguatkuasaan SPRM dalam Ops Hire 2.0 masih berterusan.